



Jabatan
KEBAJIKAN
Masyarakat



SIARAN MEDIA

WARGA EMAS SENTIASA DEKAT DI HATI KPWKM

JOHOR BAHRU, 11 JULAI – Seramai 350 orang warga emas diraikan dalam majlis terbuka puasa anjuran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Kementerian melalui JKM sentiasa merencana pelbagai alternatif dalam memastikan kebajikan dan perlindungan kepada warga emas sentiasa menjadi keutamaan.

Menurut Menteri, YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, bersesuaian dengan pembangunan semula RSK bermula dengan RSK Cheras, beberapa program baharu telah dirancang bagi memperluaskan lagi fungsi dan manfaatnya kepada pelbagai pihak yang mana salah satu program tersebut adalah perkhidmatan *Respite Care* untuk warga emas.

"*Respite Care* adalah perkhidmatan alternatif kepada waris atau penjaga untuk menempatkan secara sementara warga emas dalam jagaannya di institusi bagi suatu tempoh tertentu, disebabkan tuntutan tugas di luar kawasan atau negara, atau apa-apa sebab yang memerlukan warga emas ditempatkan di institusi dengan jaminan keselamatan," katanya.

"Bayaran yang akan dikenakan kepada penjaga atau waris adalah bayaran yang paling minima dan berpatutan, itupun bagi memupuk rasa tanggungjawab kepada penjaga atau waris dan supaya mereka tidak mengambil kesempatan dengan membiarkan warga emas terus menerus menetap di RSK Cheras," tambah beliau lagi.

Antara syarat-syarat permohonan untuk mendapatkan perkhidmatan *Respite Care* adalah warga emas mesti merupakan warganegara Malaysia berumur 60 tahun dan ke atas, boleh menguruskan diri sendiri dan disahkan bebas dari sebarang penyakit berjangkit, virus atau tiada kecelaruan mental oleh Pegawai Perubatan. Selain itu, warga emas atau waris perlu meneliti segala terma dan syarat perkhidmatan serta

perlu menandatangani Surat Akujanji di hadapan pegawai bertugas ketika mendaftar masuk.

“Kini JKM sedang dalam peringkat terakhir untuk merealisasikan *Respite Care* yang dijangka akan beroperasi pada tahun ini juga dengan memurnikan lagi prosedur pengoperasiannya agar segala kemudahan, program dan aktiviti di institusi bersama penghuni lain bagi tujuan mengelakkan mereka dari rasa terasing dan kesunyian sepanjang tempoh berada di institusi,” kata Rohani.

Dalam majlis itu juga, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato’ Sri Rohani Abdul Karim turut menyampaikan sumbangan berbentuk wang tunai kepada penghuni Rumah Seri Kenangan (RSK) Johor Bahru, Desa Bina diri (DBD) Mersing dan penerima bantuan JKM sekitar Johor Bahru dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM 43,000.00.

“Terima kasih yang tidak terhingga ingin saya sampaikan kepada Kerajaan Negeri Johor, Majlis Agama Islam Negeri Johor dan juga Lembaga Pelawat RSK Johor Bahru yang sudi bekerjasama dalam menjayakan majlis ini di samping turut memberi sumbangan berbentuk wang tunai kepada tetamu yang kita raikan pada hari ini,” katanya kepada pemberita ketika merasmikan Majlis Semarak Sinar Ramadhan 1436 Hijrah di RSK Johor Bahru, Johor hari ini.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah YBhg Dato’ Sabariah Hassan, Ketua Setiausaha KPWKM, YBrs Encik Azman Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) KPWKM dan YBhg Dato’ Hj Zulkipli Ramli, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat.

####

Disediakan oleh : Jabatan Kebajikan Masyarakat
Aras 6, 9-18, No. 55
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 Putrajaya
No.Telefon : 019-2333110 (Haneem) / Laila (012-3768760)
Tarikh dikeluarkan : 11 Julai 2015